



# KONAKA

## KONFERENSI AKADEMIK 2015

*Pelestarian Warisan Melayu Mencetus Penambahan Ilmu*

**4 NOVEMBER 2015**  
**AL-BIRUNI, UiTM CAW. PAHANG**



9 789832 607465

ISBN- 978-983-2607-46-5

UiTM Sentiasa  
Di  Ku



## “Boleh *Bah* Kalau Kau”: Kecelaruhan Semantik dan Intonasi Dialek Warisan Bahasa Melayu Sabah

Noli Maishara Nordin<sup>1\*</sup>, Roslan Sadjirin<sup>2</sup>, Roslina Abdul Aziz<sup>3</sup>, Roger Canda<sup>4</sup>

<sup>1,3</sup>Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Pahang  
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia  
nolinordin@pahang.uitm.edu.my, leenaziz@pahang.uitm.edu.my  
<sup>2,4</sup>Fakulti Sains Komputer dan Matematik, UiTM Cawangan Pahang  
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia  
roslanacs@pahang.uitm.edu.my, rogercanda@pahang.uitm.edu.my  
\*Penulis Rujukan

**Abstrak:** Kepelbagaian dialek Bahasa Melayu yang digunapakai mengikut sempadan kawasan dan negeri telah memperkayakan warisan Alam Melayu (Malay Archipelago) secara berterusan. Antara dialek-dialek yang diketahui umum adalah dialek utara, dialek Pahang, dialek Kelantan, dialek Terengganu, dialek Johor-Riau serta dialek-dialek Bahasa Melayu dari kepulauan Borneo iaitu Sabah dan Sarawak. Setiap dialek ini mempunyai keunikan dari aspek intonasi dan semantik. Walaubagaimanapun, terdapat kekhilafan di kalangan penutur bukan jati kawasan tersebut dalam penggunaan dialek-dialek ini. Kertas kerja ini membincangkan tentang dialek popular Bahasa Melayu Sabah khususnya penggunaan partikel *bah* yang sering menjadi ikutan masyarakat di Malaysia. Kecelaruhan penggunaan partikel *bah* ini berkait rapat dengan konsep semantik dan intonasi dalam penggunaan ayat. Kajian ini mengadaptasi empat intonasi tingkat nada dalam Bahasa Melayu Standard yang diwakili oleh nombor 1 sehingga nombor 4. Hasil kajian mencadangkan bahawa pola intonasi tingkat nada partikel *bah* mempengaruhi semantik ayat dari segi kefahaman maksud sama ada oleh penutur mahupun pendengar.

**Kata Kunci:** Dialek Melayu Sabah, Intonasi, Partikel *Bah*, Semantik

### 1. Pengenalan

Kepesatan pembangunan dan perkembangan teknologi yang sedang dialami oleh negara kita secara langsung atau tidak langsung telah mendatangkan pelbagai perubahan dan kesan sampingan kepada masyarakat termasuk bahasa. Hasil daripada perkembangan dan kemajuan ini telah menimbulkan pelbagai kesan sosiolinguistik kepada masyarakat termasuk kepelbagaian dialek yang wujud di negara Malaysia. Selain memartabatkan kepentingan ilmu, kajian-kajian tentang dialek di Malaysia juga penting untuk mengeratkan lagi tali persaudaraan penduduk bukan hanya di semenanjung Malaysia malah di kepulauan Borneo Sabah dan Sarawak. Kajian ini memberi fokus kepada dialek Melayu Sabah yang popular dengan penggunaan partikel *bah* dalam penuturan harian dan mengupas kekeliruan penggunaan alunan intonasi serta semantik partikel *bah* ini dikalangan penutur mahupun pendengar.

Negeri Sabah yang terletak di kepulauan Borneo yang diduduki oleh penduduk peribumi ini, adalah refleksi kepada kewujudan tiga pengaruh politik yang besar iaitu Malaysia, Indonesia dan Brunei. Bahasa Melayu Sabah yang tercipta ini, pada asalnya adalah bahasa komunikasi yang digunakan oleh penutur Sabah untuk berinteraksi di antara satu entik dengan etnik yang lain yang semestinya mempunyai latarbelakang bahasa yang berbeza mengikut etnik asal. Sehingga kini, lebih daripada 2.8 milion penduduk Sabah berkebolehan menggunakan bahasa Melayu Sabah sepenuhnya untuk urusan harian (Hoogervorst, 2011).

Bahasa Sabah ini juga telah menjadi bahasa pertama yang dipelajari oleh penutur yang lahir daripada percampuran beberapa etnik mahupun penutur yang telah hilang kebolehan berbahasa etnik warisan mereka. Ciri-ciri fonologi, sintaks, intonasi dan semantik yang tersendiri telah menjadikan bahasa Melayu Sabah sebagai satu status dialek yang berbeza (Wong, 2000). Namun, oleh kerana Sabah tidak mempunyai sebarang budaya atau tradisi nenek moyang yang unggul berbanding negara kejiranan mereka seperti Brunei dengan kesultanan

Brunei dan Banjarmasin, bahasa Melayu Sabah di pandang sepi dan sukar untuk diangkat sebagai satu dialek yang unik dan tersendiri. Sebaliknya, bahasa Melayu Sabah ini telah digelar sebagai bahasa Pidgin (Moody, 1984) atau cabang yang terhasil daripada bahasa Melayu Brunei (Collins, 1991). Justeru, kajian ini dijalankan agar penggunaan bahasa Melayu Sabah khususnya penggunaan partikel *bah* yang berkait rapat dengan konsep semantik dan intonasi dalam penggunaan ayat harian masyarakat Sabah ini dapat lebih difahami dan seterusnya memartabatkan warisan keunikan kepelbagaian dialek di Malaysia.

## 2. Pernyataan Masalah

Bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan negara Malaysia yang diperkaya dengan pelbagai dialek yang digunapakai oleh penutur jati mengikut kawasan atau negeri tertentu. Setiap dialek yang lahir dari catatan sejarah yang berbeza ini mempunyai keunikan tersendiri terutamanya dari aspek intonasi dan semantik khususnya dialek Melayu Sabah. Dialek Melayu Sabah yang menjadi *lingua franca* tempatan bagi seluruh penduduk Sabah yang terdiri daripada pelbagai etnik dan suku kaum, menitikberatkan penggunaan intonasi dan kadar panjang atau pendek sesuatu ujaran lantaran ia membawa maksud dan makna yang berbeza. Walaubagaimanapun, dialek ini seringkali disalahgunakan oleh penutur bukan asli kawasan Sabah dan menimbulkan kesalahfahaman dalam menginterpretasi maksud ayat di antara penutur dan pendengar.

Kertas kerja ini membincangkan tentang penggunaan dialek popular Bahasa Melayu Sabah dalam penggunaan partikel *bah* yang sering menjadi ikutan masyarakat di Malaysia. Masyarakat Malaysia pada dasarnya sentiasa mahukan perpaduan dan ikatan persaudaraan yang utuh yang dapat diterjemahkan melalui penghayatan bahasa-bahasa dialek di negara ini.

Walaubagaimanapun, kajian berkaitan penanda wacana dan partikel dalam bahasa Melayu khususnya partikel *bah* dalam bahasa Melayu Sabah adalah amat terhad (Sneddon, 2006). Justeru, wajarlah kajian ini dijalankan agar kecelaruan penggunaan partikel *bah* yang berkait rapat dengan konsep semantik dan intonasi dalam penggunaan ayat harian masyarakat Sabah ini dapat diatasi dan seterusnya melestarikan warisan keunikan kepelbagaian dialek di Malaysia.

## 3. Objektif Kajian

Kertas kerja ini bertujuan untuk mengkaji penggunaan partikel *bah* dalam pertuturan dialek Bahasa Melayu Sabah. Objektif kajian adalah untuk;

- i) Menganalisis fungsi penggunaan partikel *bah* dalam komunikasi Melayu Sabah
- ii) Mengenal pasti alunan intonasi dan semantik penggunaan partikel *bah* dalam komunikasi Melayu Sabah

## 4. Metodologi

Data linguistik dalam kajian ini telah dikumpulkan sepanjang empat belas hari kerja lapangan dijalankan di Sabah pada November 2014. Pengumpulan data linguistik ini meliputi kerja lapangan di daerah Kota Kinabalu, Ranau, dan Beaufort. Pada awalnya, Bahasa Melayu standard digunakan oleh pengkaji untuk proses komunikasi, namun responden penutur-penutur Sabah secara umumnya akan menggunakan dialek Melayu Sabah untuk berinteraksi walaupun ada segelintir mereka yang mengekalkan penggunaan Bahasa Melayu standard. Sebagai contoh, penutur tempatan Sabah majoritinya lebih selesa menggunakan frasa *nda' ada* atau *teda* dalam Bahasa Melayu Sabah yang bermaksud 'tidak ada' berbanding segelintir mereka yang menggunakan '*tiada*' atau '*tidak ada*' seperti dalam penggunaan Bahasa Melayu standard. Partikel *bah* menjadi intipati utama kajian ini di mana analisa perbandingan telah dijalankan di

antara Bahasa Melayu standard dan dialek Melayu Sabah dari aspek alunan intonasi dan kesan semantik terhadap interpretasi makna.

#### 4.1 Intonasi Bahasa Melayu

Menurut Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu (1995), intonasi merujuk kepada lagu atau ragam suara yang berirama dengan naik turunnya nada dalam ucapan. Dalam Bahasa Melayu, intonasi diwakili dengan angka-angka 1, 2, 3, dan 4 serta dengan garis-garis lurus yang menggambarkan tingkat naik turunnya nada suara (1-2-3-4). Angka 1 menjadi tanda nada pada tingkat yang paling rendah manakala angka 4 menjadi tanda nada pada tingkat yang paling tinggi. Di antara tingkat nada yang paling rendah dengan yang paling tinggi itu, tingkat permulaan dalam pengucapan sesuatu baris ayat ditandai dengan angka 2. Tingkat nada 3 yang berlaku di antara tingkat nada 2 dengan tingkat nada 4 kedengaran seperti nada tekanan oleh sebab suara tertahan secara mendadak supaya tidak terlajak ketingkat 4.

Intonasi berfungsi untuk membezakan bentuk dan jenis ayat serta memperjelaskan makna ayat yang diucapkan itu. Misalnya, intonasi untuk ayat dalam jenis ayat tanya berbeza daripada intonasi untuk ayat dalam jenis ayat penyata;

1. Untuk ayat penyata yang berbentuk biasa dengan subjeknya di depan dan predikatnya dibelakang (S + P), contohnya; 'Lukisan itu indah sekali'  
Kontur intonasinya ialah (2—4—2—3)
2. Untuk ayat penyata yang berbentuk songsang dengan predikatnya di depan dan subjeknya dibelakang (P + S), contohnya; 'Indah sekali lukisan itu'  
Kontur intonasinya ialah (2—3—1)
3. Untuk ayat tanya yang berbentuk biasa dengan subjeknya di depan dan predikatnya dibelakang (S + P), contohnya; 'Orang itu siapa?'  
Kontur intonasinya ialah (2—4— 2—4)
4. Untuk ayat tanya yang berbentuk songsang dengan predikatnya di depan dan subjeknya dibelakang (P + S), contohnya; 'Siapakah orang itu?'  
Kontur intonasinya ialah (2—3— 1—4)

Oleh sebab itu, terdapat beberapa pola atau intonasi untuk pelbagai bentuk dan pelbagai jenis ayat yang diucapkan dalam bahasa Melayu. Analisa perbandingan telah dijalankan menggunakan intonasi bahasa Melayu standard ini ke atas dialek Melayu Sabah dari aspek alunan intonasi dan kesan semantik terhadap interpretasi makna.

#### 5. Dapatan Kajian

Secara umumnya, penggunaan sebarang bentuk penanda wacana mahupun partikel dalam mana-mana bahasa yang dituturkan, tidak mempunyai maksud dan fungsi yang jelas (Hoogervorst, 2011). Maksud dan fungsi penanda wacana dan partikel masih terus dibahaskan oleh para pengkaji namun teori umum berkenaan penanda wacana dan partikel pernah diusulkan oleh Jucker dan Ziv (1998). Penggunaan penanda wacana dan partikel sememangnya wujud pada setiap silang bahasa yang terbentuk khususnya dalam komunikasi tidak rasmi dan mempunyai konteks pragmatik tertentu di antara penutur dan pendengar. Antara contoh penanda wacana dalam Bahasa Inggeris adalah seperti '*you know*' (awak tahu), '*isn't it?*' (bukankah begitu), '*actually*' (sebenarnya), '*you see*' (awak lihat), '*well*' (iyalah) (Holmes, 2001).

Penggunaan partikel *bah* adalah partikel yang paling kerap digunakan oleh penduduk jati Sabah dalam pertuturan dialek harian Melayu Sabah diikuti dengan partikel *gia* yang berasal dari bahasa etnik Kadazandusun. Walaubagaimanapun, partikel *gia* tidak dibincang dalam

kajian ini. Penggunaan partikel *bah* dapat dilihat dalam beberapa bahasa Borneo serantau termasuk Melayu Brunei (Collin, 1991), Bajau Kota Belud (Miller, 2006) dan Belangin (Adelaar, 2006). Partikel *bah* boleh membentuk makna dan maksud tersendiri bergantung kepada ujaran intonasi yang digunakan oleh penutur. Partikel *bah* digunakan secara meluas oleh penduduk jati Sabah sebagai ayat penyata, ayat simpati, ayat gesaan, ayat penutup perbualan dan ayat tanya.

### 5.1 Partikel *Bah* Sebagai Ayat Penyata

Partikel *bah* berfungsi sebagai ayat penyata dalam menyatakan sesuatu persetujuan bergantung kepada alunan intonasi penutur. Contoh ayat dan alunan intonasi diilustrasikan dalam Jadual 5.1;

**Jadual 5.1.** Partikel *bah* sebagai Ayat Penyata

Contoh ayat	Alunan intonasi penyataan setuju	Alunan intonasi penyataan tidak setuju
1. <i>Bah!</i>	2-3	-
2. <i>Nda' bah!</i>	-	2-4
3. <i>Bulih bah</i> kalau kau	2-3-2-1	-
4. <i>Nda'bulih bah</i> kalau kau	-	2-2-4-2-4
5. <i>Tambirang bah</i> kan durang ni	2-3-4-2-1	-
6. <i>Sejuk bah</i> ni air	2-3-2-1	-

Berdasarkan contoh-contoh ayat dalam Jadual 5.1, alunan intonasi partikel *bah* dalam menyatakan pernyataan persetujuan, menunjukkan intonasi partikel ini akan menaik pada satu tingkat nada (2-3) sahaja. Namun, keadaan ini berbeza apabila penutur mahu menyatakan ketidaksetujuan terhadap sesuatu perkara yang mana alunan intonasi partikel *bah* akan menjangkau sehingga dua tingkat nada (2-4).

### 5.2 Partikel *Bah* Sebagai Ayat Simpati

Partikel *bah* juga berfungsi sebagai ayat simpati dalam menzahirkan perasaan simpati bergantung kepada alunan intonasi penutur. Contoh ayat dan alunan intonasi diilustrasikan dalam Jadual 5.2;

**Jadual 5.2.** Partikel *bah* sebagai Ayat Simpati

Contoh ayat	Alunan intonasi penyataan simpati
1. <i>Bulih bah</i> kalau kau	2-1-2-1
2. <i>Andu' bah</i>	2-1
3. <i>Kasian bah</i>	2-1
4. <i>Sakit bah</i> tu	2-2-1

Berdasarkan contoh-contoh ayat dalam Jadual 5.2, alunan intonasi partikel *bah* akan menurun kepada satu tingkat nada (2-1) selepas perkataan sebelumnya dalam menyatakan perasaan simpati si penutur kepada pendengar mahupun kepada diri sendiri.

### 5.3 Partikel *Bah* Sebagai Ayat Gesaan

Partikel *bah* berfungsi sebagai gesaan kepada pendengar bergantung kepada alunan intonasi penutur. Contoh ayat dan alunan intonasi diilustrasikan dalam Jadual 5.3. Berdasarkan

contoh-contoh ayat dalam Jadual 5.3, alunan intonasi partikel *bah* dalam menyatakan gesaan untuk melakukan sesuatu perbuatan, menunjukkan intonasi partikel ini akan menaik pada dua tingkat nada (2-4). Partikel ini kebiasaannya akan berada di penghujung ayat.

**Jadual 5.3.** Partikel *bah* sebagai Ayat Gesaan

Contoh ayat	Alunan intonasi pernyataan gesaan
1. Kalau kau, bulih <i>bah</i>	2-3-2-4
2. Laju sikit <i>bah</i>	2-3-4
3. Sini, kalau kau berani <i>bah</i>	2-2-2-2-4
4. Cepat <i>bah</i>	2-4

#### 5.4 Partikel *Bah* Sebagai Ayat Mengakhiri Perbualan

Partikel *bah* berfungsi sebagai ayat mengakhiri perbualan apabila penutur berhajat untuk menamatkan perbualan. Fungsi ini masih bergantung kepada alunan intonasi penutur. Contoh ayat dan alunan intonasi diilustrasikan dalam Jadual 5.4;

**Jadual 5.4.** Partikel *bah* sebagai Ayat Mengakhiri Perbualan

Contoh ayat	Alunan intonasi mengakhiri perbualan
1. A: Aku mau jumpa kau bisuk di Centre Point. Banyak aku mau kasi cerita' sama kau pasal si anu.	2-2-2-2-2-3-2-2-1 2-2-2-2-2-3-2-2-1
B: Mmm <i>bah!</i> Jumpa bisuk. Ko belanja' 'ah.	2-3-2-1 2-2-2-4
A: <i>Bah!</i>	2-3
B: <i>Bah!</i>	2-3
2. A: <i>Bah</i> , jalan dulu'.	2-3-2-1
B: <i>Bah</i>	2-3
3. A: <i>Bah</i> , palan-palan jak 'ah	2-3-2-2-2-4
B: <i>Bah</i> , jumpa' lagi 'ah.	2-3-2-2-4

Berdasarkan contoh-contoh ayat dalam Jadual 5.4, partikel *bah* secara tunggalnya mampu memberikan petunjuk bahawa penutur berhajat untuk mengakhiri sesuatu perbualan. Walaubagaimanapun, sekiranya partikel *bah* digunakan bersama ayat yang lain, partikel ini mestilah berada pada permulaan ayat. Pengabaian menggunakan partikel *bah* pada permulaan ayat ini menunjukkan ketidaksopanan si penutur terhadap pendengar. Alunan intonasi partikel *bah* dalam mengakhiri perbualan akan menaik pada satu tingkat nada (2-3), dan kemudiannya mesti menurun kepada satu tingkat nada (3-2).

#### 5.5 Partikel *Bah* Sebagai Ayat Tanya

Partikel *bah* berfungsi sebagai ayat tanya apabila penutur berhajat untuk mencari maklumat sesuatu informasi. Fungsi ini juga masih bergantung kepada alunan intonasi penutur. Contoh ayat dan alunan intonasi diilustrasikan dalam Jadual 5.5;

**Jadual 5.5.** Partikel *bah* sebagai Ayat Tanya

Contoh ayat	Alunan intonasi ayat tanya
1. Kalau kau, boleh <i>bah</i> kan?	2-4-2-3-4

2. Betul <i>bah</i> ?	2-3
3. Kamu datang dari KL <i>bah</i> kan?	2-4-2-3-3-4
4. Belunuk sedap <i>bah</i> kan?	2-2-3-4
5. Besar <i>bah</i> kan kelapa Salut?	2-3-4-2-1

Berdasarkan contoh-contoh ayat dalam Jadual 5.5, alunan intonasi partikel *bah* akan meningkat kepada satu tingkat nada (2-3) selepas perkataan sebelumnya. Sekiranya partikel *kan* digunakan sebagai penguat soalan selepas partikel *bah*, intonasi partikel *kan* itu seharusnya dialunkan pada tingkat nada tertinggi (4).

## 6. Kesimpulan

Kesimpulannya, partikel *bah* digunakan secara meluas dalam dialek Melayu Sabah dan mempunyai fungsi serta peranan dalam membentuk ayat penyata, ayat simpati, ayat gesaan, ayat penutup perbualan dan ayat tanya. Walaubagaimanapun, fungsi penggunaan partikel *bah* ini bergantung kepada alunan intonasi penutur dalam menyampaikan maksud ayat yang sebenar dan akan disalah tafsir oleh pendengar jika ujaran intonasi itu tidak bertepatan dengan hasrat yang ingin disampaikan.

Penggunaan partikel *bah* perlu dialunkan secara menaik pada satu tingkat nada (2-3) apabila penutur mahu menyatakan ayat persetujuan terhadap sesuatu perkara atau membina ayat tanya. Intonasi partikel *bah* ini seterusnya, perlu dialunkan secara menaik pada dua tingkat nada (2-4) jika penutur berkehendak untuk menyatakan ketidaksetujuan dalam sesuatu perkara atau menyatakan gesaan bagi melakukan sesuatu perbuatan. Intonasi partikel *bah* hanya akan menurun kepada satu tingkat nada (2-1) seandainya penutur mahu melahirkan rasa simpati terhadap sesuatu kejadian. Walaubagaimanapun, penggunaan partikel *bah* ini adalah unik jika penutur berhajat mengakhiri perbualan yang mana alunan intonasi akan menaik pada satu tingkat nada dan kemudiannya mesti menurun kepada satu tingkat nada (2-3-2).

Maka, jelaslah bahawa penggunaan partikel *bah* dalam dialek bahasa Melayu Sabah mempunyai fungsi tersendiri yang dibatasi oleh alunan intonasi dalam membentuk makna sesuatu ujaran. Selain memartabatkan kepentingan ilmu, kajian ini juga penting untuk mengeratkan lagi tali persaudaraan penduduk bukan hanya di semenanjung Malaysia malah di kepulauan Borneo Sabah dan Sarawak. Ianya perlu difahami dengan jelas dalam usaha memperkaya dan memartabatkan warisan keunikan kepelbagaian dialek di Malaysia.

## 7. Rujukan

- Adelaar, A. K. (2006). "Where does Belangin belong?", in: Fritz Schulze and Holger Warnk (eds), *Insular Southeast Asia; Linguistic and cultural studies in honour of Bernd Nothofer*, pp. 65-84. Wiesbaden: Harrassowitz Verlag.
- Collins, J. T. (1991). Rangkaian dialek Melayu di Pulau Borneo. *Jurnal Dewan Bahasa*. 35/8: pp 687-696.
- Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. (1995). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Holmes, J. (2001). *An introduction to sociolinguistics*. United Kingdom: Pearson.
- Hoogervorst, T. G. (2011). Some introductory notes on the development and characteristics of Sabah Malay. *Wacana*, Vol. 13 No. 1 (April 2011): pp 50—77.
- Miller, M. (2006). *Learn to speak West Coast Bajau (Kota Belud dialect); A series of twenty-five language learning lessons*. Kota Kinabalu: Jabatan Muzium Sabah.
- Moody, David C. (1984). "The Malayic language family", in: Julie K. King and John Wayne King (eds), *Languages of Sabah; A survey report*, pp. 91-100. Canberra: Pacific Linguistics. [Pacific Linguistics C-78.]

- Jucker, A., & Y. Ziv (eds). (1998). *Discourse markers: Description and theory*. Amsterdam and Philadelphia: Benjamins.
- Sneddon, James Neil. (2006). *Colloquial Jakartan Indonesian*. Canberra: Australian National University. [Pacific Linguistics 581.]
- Ozóg, A. Conrad K., & Peter W. Martin. (1996). "The *bah* particle in Brunei English", in: Peter W. Martin, A. Conrad K. Ozóg and Gloria Poedjosoedarmo (eds), *Language use and language change in Brunei Darussalam*, pp. 236-249. Athens, Ohio: Ohio University Centre for International Studies.
- Wong, Jane Kon Ling. (2000). *The Sabah Malay dialect: Phonological structures and social functions*. Kota Kinabalu: University Malaysia Sabah.